



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMAKLUMAN DASAR DIKEMASKINI BERHUBUNG
CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)**

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ingin memaklumkan ketetapan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 5 Januari 2026 berhubung dasar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.

Pertama, Cukai Perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan ditambah baik bagi memanfaatkan industri **mulai 1 Januari 2026** seperti berikut:

- (i) Kadar sedia ada 8 peratus diturunkan kepada 6 peratus;
- (ii) Had jualan tahunan penyewa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang dikecualikan daripada membayar Cukai Perkhidmatan dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM1.5 juta; dan
- (iii) PMKS yang baru menubuhkan perniagaan diberi pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan bagi tempoh 1 tahun mulai dari tarikh pendaftaran PMKS tersebut.

Kedua, Cukai Jualan ke atas bahan mentah atau input yang kritikal dan digunakan oleh pengilang berdaftar diberi pengecualian **mulai 1 Januari 2026**. Layanan ini bertujuan mengawal harga barangan keperluan asas kepada majoriti Rakyat. Pengecualian ini meliputi pengeluaran barangan penternakan dan pertanian seperti berikut:

- (i) Makanan ternakan;
- (ii) Baja; dan
- (iii) Racun perosak.

Ketiga, Cukai Perkhidmatan bagi perjanjian pembinaan yang ditandatangani sebelum 1 Julai 2025 dan tidak mempunyai *reviewable clause* yang telah dikecualikan mulai 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2026 **diberi pelanjutan setahun sehingga 30 Jun 2027**. Dengan ini, perjanjian perkhidmatan pembinaan yang telah ditandatangani sebelum peluasan SST dapat menikmati pengecualian ke atas Cukai Perkhidmatan selama 2 tahun.

Keempat, Cukai Perkhidmatan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan ibadat seperti surau, masjid, kuil, gereja dan tokong yang bersifat keagamaan dan kerohanian diberi pengecualian **mulai 1 Julai 2025**. Maka pembinaan bangunan ibadat tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan ke atas pembinaan.

Kementerian Kewangan
Putrajaya
5 Januari 2026